

PUSAT LATIHAN MALAYSIA ATAU MALAYSIA TRAINING CENTRE (MyTC)

Pusat Latihan Malaysia atau *Malaysia Training Centre (MyTC)* adalah salah satu usaha untuk merealisasikan agenda Transformasi Negara. Inisiatif ini diilhamkan oleh mantan Perdana Menteri ke-6 dan merupakan satu lagi projek *National Flagship* di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau *National Blue Ocean Strategy (NBOS)*.

Projek MyTC ini membolehkan penggunaan kemudahan latihan sedia ada di Institut Latihan Awam (ILA) dikongsi secara menyeluruh dan penggunaannya dapat dioptimalkan oleh pelbagai pihak. Projek ini dilaksanakan untuk memenuhi kehendak rakyat yang menginginkan perkhidmatan yang pantas dan meluas. Justeru projek ini merupakan salah satu inisiatif bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada Rakyat.

Inisiatif ini diterajui oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan Unit Perancang Ekonomi bersama rakan-rakan strategik iaitu Kementerian Kewangan, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Pertahanan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan dan *One Malaysia For Youth (IM4U)*. Pelaksanaan Projek MyTC adalah contoh terbaik kolaborasi strategik agensi-agensi Perkhidmatan Awam pelbagai Kementerian dan jabatan untuk merealisasikan projek ini. Ianya bukanlah terbina hasil usaha sebuah agensi sahaja, malah ia merupakan hasil kerjasama pelbagai agensi Perkhidmatan Awam yang berganding bahu dalam semangat yang sama iaitu mengangkat kepentingan rakyat sebagai keutamaan pentadbiran Kerajaan.

Tujuan

Untuk merealisasi Projek MyTC ini, Portal 1MTC dibangunkan. Portal MyTC merupakan gerbang (*gateway*) elektronik yang menyimpan maklumat kursus dan fasiliti yang ditawarkan oleh ILA. Portal ini akan memudahkan penjawat awam, sektor swasta, badan berkanun, badan bukan kerajaan (NGO) dan orang awam untuk mendapatkan maklumat dan membuat tempahan fasiliti dan kursus yang ditawarkan oleh ILA. Portal ini juga menyediakan kemudahan pembayaran secara dalam talian (online).

Perkhidmatan yang ditawarkan oleh MyTC

Perkhidmatan disediakan meliputi perkara berikut:

- Menyediakan maklumat berkaitan fasiliti dan kursus
- Menyediakan kemudahan tempahan fasiliti dan permohonan kursus yang ditawarkan oleh Institut Latihan Awam.
- Menyediakan kemudahan pembayaran secara atas talian.

Permohonan Perkhidmatan MyTC

Tiada sebarang syarat dikenakan untuk mendaftar di Portal MyTC. Pengguna Portal MyTC boleh membuat carian dan tempahan fasiliti dan kursus yang ditawarkan oleh Institut Latihan Awam (ILA). Sekiranya tuan/puan memerlukan fasiliti untuk menjalankan latihan, tuan/puan boleh menempah fasiliti yang ditawarkan oleh ILA berkenaan.